

# Kerja-kerja Pembaikan Rumah Kampung

Penduduk Pulau Ubin diberikan Lesen Pendudukan Sementara (TOLs) untuk rumah kampung dan premis yang digunakan sebagai kediaman. Namun, penduduk mestilah membayai kos penyenggaraan rumah atau premis mereka sendiri. Beberapa penduduk Pulau Ubin telah meminta bantuan NParks kerana kos penyenggaraan agak tinggi dan terlalu banyak untuk mereka lakukan sendiri.

Setiap permintaan untuk mendapatkan bantuan akan dipertimbangkan. Penduduk Pulau Ubin akan mengurus sendiri kerja-kerja pembaikan kecil dan peningkatan estetika. Pihak NParks pula akan membantu untuk menghubungkan penduduk Pulau Ubin dengan kumpulan masyarakat yang dapat membantu mereka. Premis yang kosong kerana kematian penghuni warga emas pula akan dibaiki oleh NParks sebelum TOLs baharu diberikan kepada ahli keluarga yang ingin mengambil alih premis tersebut.

Proses bagi kerja-kerja pembaikan ini melibatkan pemeriksaan keselamatan, lukisan seni bina dan dokumentasi, serta permohonan untuk mendapatkan kelulusan daripada agensi/ pihak berkuasa yang berkaitan. Semasa kerja-kerja pembaikan dijalankan, reka bentuk asli setiap rumah kampung dikekalkan; tanpa menjejaskan keselamatan penghuni. Kerja-kerja pembaikan ini termasuklah membaiki lantai dan bumbung, menguatkan struktur tapak dan sokongan rumah, serta menggantikan unsur-unsur kayu yang telah rosak atau dimakan anai-anai.

Rumah No. 239 merupakan satu daripada enam buah rumah yang telah melalui kerja-kerja pembaikan.



Sebelum kerja-kerja pembaikan



Selepas kerja-kerja pembaikan pada bulan November 2019

NParks telah membuat kerja pembaikan bagi mengukuhkan struktur rumah No. 760D demi keselamatan penghuninya.




Semasa kerja-kerja pembaikan bagi menggantikan struktur sokongan lantai



Rumah yang telah siap menjalani kerja-kerja pembaikan

## Program Penambahbaikan Habitat di Pulau Ubin

Terletak berdekatan dengan Main Village, Pekan Quarry merupakan salah satu kuari yang terbier di Pulau Ubin. Terdapat banyak burung pucung jenis Grey Herons (*Ardea cinerea*) yang menjadikannya kuari ini tempat bertenggek. Burung-burung pucung dahulu kalanya membina sarang di atas pokok-pokok yang mengelilingi pinggiran kuari. Namun, burung-burung ini tidak lagi membina sarang di pinggiran kuari ini kerana paras air yang semakin tinggi.



Tanah yang sesuai untuk tumbuh-tumbuhan diletakkan di atas pelantar terapung kosong yang akan digunakan untuk membina Tanah Paya Terapung yang baharu



Tanah Paya Terapung yang baru ditanam dengan tumbuh-tumbuhan pada jarak yang sesuai dan ciri-ciri seperti balak dan batu kerikil untuk hidupan liar

## Memasang Tanah Paya Terapung

Penambahbaikan Habitat di Pekan Quarry bermula pada tahun 2015 dengan Projek Rintis Tanah Paya Terapung. Tanah Paya Terapung ialah struktur yang boleh terapung di atas air, yang ditanam dengan tumbuh-tumbuhan untuk menyediakan habitat kepada hidupan liar, mengindahkan sesebuah kawasan serta memperbaiki mutu air. Setelah dipasang, Projek Rintis Tanah Paya Terapung ini menarik perhatian burung pucung, iaitu Grey Herons dan hidupan liar yang lain seperti Purple Herons (*Ardea purpurea*), burung pekaka dan memerang. Hidupan liar ini dapat dilihat sedang berehat dan mencari makanan di Tanah Paya Terapung.

## Langkah Selanjutnya

Dengan kejayaan projek perintis ini, kami meneruskan langkah selanjutnya untuk memasang lebih banyak lagi sistem Tanah Paya Terapung dan pelantar untuk burung pucung bersarang. Sistem Tanah Paya Terapung mempunyai tumbuh-tumbuhan serta ceruk dan tenggeran. Kami berharap usaha ini akan terus meningkatkan bio-diversiti di Pekan Quarry ini.



Share your love for nature and animals at #NParksBuzz #AnimalBuzzSG

# Kumpulan Pegawai Perhubungan Masyarakat



## Kaunseling dan Pemeriksaan Kesihatan

Penjagaan kesihatan di Pulau Ubin amat penting kerana ramai penduduknya merupakan warga emas yang menghidap penyakit kronik, seperti darah tinggi, kolesterol tinggi dan kencing manis. Pada Januari 2020, CLT bekerjasama dengan Persatuan Palang Merah Singapura (SRC) untuk menyediakan khidmat lapan jururawat sukarelawan menjalankan pemeriksaan kesihatan dan memberikan kaunseling kepada para penduduk. NParks akan terus bekerjasama dengan SRC untuk melakukan pemeriksaan kesihatan susulan terhadap para penduduk Ubin.

Sejak mengambil peranan sebagai agensi pengurusan utama pada pertengahan tahun 2016, NParks telah bekerjasama dengan *Friends of Ubin Network* (FUN) untuk melibatkan para penduduk Pulau Ubin dan membantu untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Pada tahun 2019, NParks telah menubuhkan Kumpulan Pegawai Perhubungan Masyarakat (CLT) yang bertujuan untuk membantu para penduduk di Pulau Ubin. Menerusi aktiviti yang melibatkan para penduduk, kumpulan CLT telah menerima maklum balas dan berkolaborasi dengan organisasi akar umbi dan agensi lain untuk mendapatkan sumber, dan menganjurkan program-program untuk membantu dan menyelesaikan isu-isu yang perlu ditangani seperti isu masyarakat.



## Pengagihan beg air

Semasa musim cuaca kering dari Ogos hingga September 2019, para penduduk melaporkan ketandusan air perigi di kampung mereka. NParks menghubungi pihak Lembaga Perbekalan Awam (PUB) untuk membekalkan dan mengagihkan beg-beg berisi air untuk diminum dan digunakan untuk memasak kepada para penduduk.



## Bantuan Semasa Pandemik COVID-19



## Pengagihan Pelitup Muka

NParks bekerjasama dengan Pejabat Kawasan Undi Siglap (Siglap CO) untuk mengedarkan pelitup muka kepada penduduk Ubin pada bulan Februari 2020. Pada masa yang sama, NParks melibatkan pakar geriatric persendirian untuk memberikan rundingan perubatan secara percuma dan berkongsi amalan menjaga kebersihan diri.

Pada bulan yang sama, NParks menyokong usaha pihak berkepentingan untuk membantu masyarakat Ubin. Syarikat persendirian kem luar seperti *FutuReady ASIA* dan *Innotrek* yang menganjurkan program di Ubin, mengedarkan *WeCareKits*, yang mengandungi barang-barang seperti pelitup muka dan pensanitasi tangan kepada penduduk.

Bersama-sama Siglap CO, NParks menyelaraskan satu lagi aktiviti pengagihan pelitup guna semula dan pensanitasi tangan pada bulan April. Kumpulan itu juga membantu penduduk untuk mengisi borang Dana Bantuan Sementara.

SRG juga mendermakan pelitup muka dan pensanitasi tangan untuk NParks agihkan kepada penduduk, termasuk pengemudi bot dan operator van.

## Bantuan Khas

NParks bekerjasama dengan *Accessible Ubin* untuk membantu seorang penduduk Pulau Ubin pulang ke rumahnya pada bulan April 2020 setelah beliau menjalani pembedahan. NParks juga telah menyediakan khidmat dua orang jururawat dari *Home Nursing Foundation* untuk memberikan penjagaan kesihatan susulan kepada beliau serta memberikan latihan kepada isteri beliau agar dapat terus menjaganya. *Accessible Ubin* dan NParks juga meneruskan khidmat pengangkutan bagi membantu beliau untuk berjumpa dengan doktor pada bulan Mei.

Semasa tempoh pemutus rangkaian jangkitan COVID-19, jumlah pelawat ke Pulau Ubin telah merosot. Penduduk Ubin perlu menunggu masa yang lama untuk berulang-alik dari Ubin ke tanah besar melalui bumbot. Bumbot hanya akan bergerak apabila penumpang penuh atau penumpang membayar kos tambang menaiki bumbot yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, NParks telah menyediakan pengangkutan percuma bermula dari 29 April setiap hari Rabu dan Sabtu pada puluk 9 pagi, 1 tengah hari dan 5 petang.

